



PERINCIAN PROGRAM RAKAN-RAKAN KERJASAMA



People's Association

DIKIR RAKYAT

Salah satu kekuatan dalam persembahan dikir barat di Singapura merupakan penguasaan bahasa Melayu dalam senikata sesuatu persembahan itu. Senikata ini boleh dipersembahkan dalam bentuk sajak, syair, pantun dan dikir barat.

Dikir Rakyat bertujuan untuk menonjolkan penggunaan dan kepentingan dalam penguasaan bahasa Melayu pada setiap persembahan. Para penonton akan disajikan dengan persembahan dari kumpulan yang bertapak di ACE The Place CC dan beberapa seniman dikir barat jemputan yang lain.

ACE THE PLACE CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Balai Rakyat dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu di dalam kursus-kursus, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga kegiatan-kegiatan yang menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat majmuk.



MARI BELAJAR PENULISAN JAWI

Pameran ringkas tentang sejarah tulisan Jawi terutama sekali untuk peserta bukan Melayu. Peserta dapat mempelajari frasa/ayat mudah yang digunakan dalam perbualan seharian. Mereka juga akan mendapat peluang menulis nama mereka dalam tulisan jawi di atas penanda buku yang boleh dibawa pulang sebagai tanda mata.

SEKOLAH RENDAH ADMIRALTY

Sekolah Rendah Admiralty ditubuhkan pada tahun 1997.



PERTEMUAN SASTERA SINGAPURA 2 DAN PELANCARAN BUKU “GERIMIS DI KOTA PELANGI” (KOLEKSI SAJAK DAN CERPEN 2017)

Angkatan Sasterawan 50 akan menganjurkan Pertemuan Penulis Singapura ke-2 sempena Bulan Bahasa tahun ini. Dalam majlis ini juga, sebuah buku Antologi puisi dan cerpen yang berjudul *Gerimis Di Kota Pelangi* akan dilancarkan.

Pertemuan Penulis Singapura ke 2 merupakan sebuah majlis perbincangan, forum dan sembang bersama penulis. Antara perkara-perkara yang akan diketangahkan: (i) hakcipta karya (ii) karya cetak ke layar perak dan (iii) mutu karya kini dan masa depan dan sebagainya.

Penulis-penulis diberi kesempatan mempromosikan buku yang baru diterbitkan mereka dan menjawab pertanyaan dari hadirin mengenai buku yang diterbitkan itu dalam “Sesi Sembang Bersama Penulis”.

Majlis juga akan diikuti oleh pelancaran buku *Gerimis di Kota Pelangi*. Buku ini mengandungi puisi-puisi dan cerpen-cerpen yang menceritakan hal-hal sekitar tahun 1965 hingga 1985.

Peserta/ hadirin akan berpeluang mengenali penulis dan bertanyakan karya-karya yang terdapat dalam antologi tersebut.

ANGKATAN SASTERAWAN (ASAS'50)

Ditubuhkan pada 6 Ogos 1950 dan didaftar pada 22 Jun 1951, Angkatan Sasterawan '50 diketuai oleh penulis-penulis berinspirasi seperti Muhd Ariff Ahmad, Masuri Salikun dan kemudian Usman Awang (Malaysia) dan Suratman Markasan. Kini, penulis generasi baharu seperti Mohd Latif Mohd dan Abdul Samad Salimin mengetua Asas '50. Penulis perintis telah diberi kehormatan di Singapura dan di rantauan bagi dedikasi mereka.

Lebih dikenali sebagai Asas '50, badan ini memainkan peranan penting dalam memberi pendedahan kepada kesusasteraan Melayu moden. Namanya sinonim dengan perjuangan kemerdekaan dan kebangkitan manusia daripada kemiskinan. Selepas perpisahan daripada Malaysia, Asas '50 bertekad untuk membuktikan bahawa bahasa dan sastera Melayu boleh bertahan walaupun dalam masa genting. Asas '50 aktif menganjurkan ceramah, bengkel, seminar, peraduan mengarang dan bertanggungjawab dalam merumuskan Anugerah Persuratan dan Bulan Bahasa yang kini diadakan setiap tahun. Asas '50 juga diiktiraf sebagai badan kesusateraan Melayu yang pertama di rantau ini

untuk mengadakan Pertemuan Sasterawan Nusantara pada 1977. Pertemuan yang terakhir diadakan di Singapura pada 2003.





PENULISAN NARATIF: TUNJUK & CARA PENGEMBANGAN IDEA

Dengan objektif berikut:

- Untuk membantu para peserta berfikiran di luar kotak
- Untuk membimbing para peserta untuk menggunakan peribahasa di dalam karangan
- Untuk mengenalkan plot
- Untuk mengembangkan senario berdasarkan gambar yang diberikan
- Untuk mengembangkan kelakuan watak

Antara aktiviti yang akan dikendalikan akan memerlukan para peserta untuk menjelajah dan prihatin terhadap sekeliling mereka untuk mendapat inspirasi.

Muzik latar juga akan dimainkan untuk memberikan rangsangan kreativiti dan para jurulatih akan membimbing para peserta melalui proses kreativiti untuk mengembangkan isi karangan.

BY DEFINITION PTE LTD

By Definition Pte Ltd ialah sebuah perusahaan sosial yang membuat penyelidikan, memajukan dan mengendalikan program-program melalui kerjasama bersama sekolah-sekolah, perusahaan dan badan-badan kemasyarakatan.



People's Association

BULAN BAHASA 2017 @ JURONG

Mari sertai Bulan Bahasa 2017 @ Jurong dan nikmati persembahan-persembahan pantun, rap, drama, nyanyian dan banyak lagi! Acara ini ingin meningkatkan kesedaran kepentingan bahasa Melayu dan meraikan kekayaan budaya Melayu.

BUKIT BATOK EAST CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Balai Rakyat dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu di dalam kursus-kursus, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga kegiatan-kegiatan yang menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat majmuk.




KUIZ BAHASA DAN BUDAYA 2017 – PROGRAM KHAS BAHASA MELAYU (MSP)

Sekolah Tinggi Chung Cheng (Utama) bakal menganjurkan pertandingan kuiz bahasa yang ditujukan khas bagi pelajar-pelajar bukan Melayu yang mengambil bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga. Pelajar-pelajar Program Khas Bahasa Melayu (MSP) yang akan mengambil bahagian di dalam kuiz ini bukan sahaja akan mengenali bahasa dan budaya Melayu, malah mereka akan melakukannya menerusi aktiviti yang seronok dan menarik.

SEKOLAH TINGGI CHUNG CHENG

Diasaskan pada tahun 1939, Sekolah Tinggi Chung Cheng (Utama) bermula sebagai sekolah lelaki di Kim Yan Road dan membenarkan masuk pelajar perempuan selepas Perang Dunia Kedua. Sekolah Tinggi Chung Cheng (Utama) menerima status autonomi pada tahun 1996 hasil daripada keputusan yang cemerlang untuk Peperiksaan GCE Peringkat ‘O’. Pada tahun 2010, sekolah ini telah menerima School Excellence Award (SEA) dan Best Practice Award (Student All-Rounded Development).



TARIAN PIRING

Tarian Piring mengetengahkan konsep imbangan. Apabila tubuh manusia bergoyang, pergerakan tersebut adalah pantas dan lembut. Ini melambangkan perjalanan hidup yang berliku. Tanggungjawab yang dipikul dalam kehidupan sehari-hari adalah seperti piring-piring yang dibawa oleh penari-penari di telapak tangan mereka. Walaupun diselubungi ketakutan dan keraguan, kita tetap selangkah hadapan untuk meneruskan hari yang seterusnya.

Mari bersama-sama Era Dance Theatre dalam persembahan Tarian Piring mereka di Bussorah Street!

ERA DANCE THEATRE

Era Dance Theatre Ltd (EDT) merupakan sebuah syarikat seni persembahan yang berdedikasi untuk menggalakkan, mengembangkan dan mengekalkan kesenian dan kebudayaan Melayu serantau. Sejak bermula pada tahun 2009, EDT kini telah mempersembahkan dan menerbitkan lebih dari 100 pertunjukan di Singapura dan di seluruh Asia Pasifik. EDT menghasilkan pertunjukan yang berkualiti tinggi dan mementingkan pembangunan masyarakat.

Dengan fokus yang mendalam untuk memupuk tradisi yang mampan, EDT menarik perhatian masyarakat melalui ekspresi kreatif tarian dan muzik. Pertunjukka EDT diiktiraf untuk penyambungan pelbagai budaya dan kerjasama dalam usaha bersepada untuk mengekalkan tradisi.

EDT diketuai arahan kreatif pengarah artistik tetap kami dan penerima Anugerah Artis Muda NAC, Osman Hamid. Ahli pengurusan dan lembaga kami termasuk usahawan sosial, juruaudit, peguam dan ahli-ahli profesional.



People's Association

GERBANG BAHASA 2017: CINTA BAHASA, KENALI BUDAYA

Gerbang Bahasa 2017 dikendalikan oleh Jawatan Eksekutif Kegiatan Melayu Gambas, dipersembahkan oleh Qhazam Production dan disokong Dana Kedwibahasaan Lee Kuan Yew (LKYFB). Tujuan kami adalah untuk mengumpulkan penduduk dan pelajar dari kawasan Sembawang GRC-Gambas (Yishun) untuk sama-sama mempelajari dan membiasakan diri dengan aplikasi budaya dan bahasa Melayu. Kembali ke kawasan kejiranan, kami percaya bahawa ia akan menarik perhatian penduduk dan sekolah-sekolah berdekatan, bukan hanya dalam kalangan masyarakat Melayu namun juga dalam kalangan masyarakat bukan Melayu untuk bersama-sama meraikan acara ini.

Tujuan kami adalah untuk melibatkan 3 generasi - dari warga emas sehingga kanak-kanak pra-sekolah. Kami berharap perintis-perintis boleh menjadi suri teladan bagi generasi muda akan bagaimana bahasa Melayu, kebudayaan dan kesantunan dapat kekal relevan hari ini dan pada masa akan datang.

Tahun ini kami mengharapkan tema bagi acara kami relevan bagi penonton. Penonton bukan Melayu juga boleh mempelajari sedikit sebanyak tentang warisan dan budaya kesantunan Melayu. Kami harap, melalui bahasa kami dapat mengenali budaya.

Elemen utama bagi acara kami diinspirasikan daripada Perarakan Chingay di mana kami akan memperkenalkan persembahan yang serupa.

GAMBAS CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Balai Rakyat dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu di dalam kursus-kursus, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga kegiatan-kegiatan yang menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat majmuk.



People's Association



PESTA SYAIR 2017

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu Kelab Masyarakat Geylang Serai dan disokong oleh Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Bahasa Melayu (MLLPC) dan Majlis Bahasa Melayu Singapura, akan menganjurkan Pesta Syair 2017: Bengkel Penulisan Syair & Pertandingan Drama Dalam Syair, sempena Bulan Bahasa 2017.

Acara ini bertujuan untuk menggalakkan para pelajar sekolah rendah dengan menulis syair dalam bahasa Melayu dengan menggunakan kreativiti masing-masing, memperbaiki bacaan menggunakan bahasa baku serta melibatkan penyertaan keluarga terutamanya ibu bapa yang menyokong pelajar dalam menggunakan bahasa Melayu.

Tahun ini adalah tahun yang ke tujuh Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu Kelab Masyarakat Geylang Serai menganjurkan acara ini dan disokong oleh Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Bahasa Melayu (MLLPC).

Untuk tahun ini, Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu Kelab Masyarakat Geylang Serai akan membuat pembaharuan dimana pertandingan akan diselitkan Syair didalam Drama.

Program acara ini akan dibahagikan kepada 2 sesi. Bengkel akan diadakan untuk 1 ½ jam dan penceramah jemputan akan mengelolakan bengkel syair dalam drama. Penceramah akan mengajar para pelajar tentang cara menulis syair dalam drama dengan kreatif dan bagaimana untuk membaca syair dalam bahasa baku.

Program seterusnya adalah pertandingan syair dalam drama di mana pelajar yang terpilih untuk mengambil bahagian dalam pertandingan ini dengan mengikut tema yang diberikan oleh pihak pengangur.

GEYLANG SERAI CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu Kelab Masyarakat Geylang Serai bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan dan pertubuhan akar umbi tempatan yang lain untuk menggalakkan orang Melayu untuk menyertai kursus di kelab masyarakat, aktiviti kemasyarakatan dan hal ehwal negara; dan memupuk persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya.



GOTONG ROYONG

Gotong Royong ialah sebuah sesi melukis batik yang dikendalikan oleh Hazworkz Design untuk pengunjung-pengunjung Taman Warisan Melayu. Setiap seni lukis batik akan mengetengahkan pantun, puisi, dan syair dalam bentuk seni kaligrafi Jawi. Penerangan tentang seni batik dan teknik-teknik juga akan dikongsikan dalam bahasa Melayu dengan peserta-peserta.

HAZWORKZ DESIGN

Haz Workz Design menganjurkan Program Jawi sebagai sebahagian daripada Program Bahasa Ibunda yang berlangsung setiap dua minggu. Program ini meliputi sejarah tulisan Jawi dan pelajar-pelajar akan diajar cara untuk menulis huruf-huruf jawi. Pada akhir program ini, mereka akan dapat mengeja nama mereka menggunakan tulisan Jawi.

HazWorkz Design juga bertugas untuk menghidupkan kembali tulisan Jawi melalui kaligrafi Jawi moden, Jawi Calligraffiti.



People's Association



Keat Hong CC MAEC

BULAN BAHASA 2017 @ KEAT HONG

Ketahui tentang bahasa Melayu melalui seni persembahan! Berhibur dengan persembahan muzik oleh Sufi Rashid dan Adi Putra sempena Bulan Bahasa 2017 @ Keat Hong. Saksikan persembahan teater komedi cinta *Tasbih Kristal Biru*.

Acara ini harap untuk menyebarkan kesedaran tentang kepentingan bahasa Melayu dan meraikan kekayaan bahasa Melayu.

KEAT HONG CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Balai Rakyat (CC) dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu dalam kursus-kursus CC, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan ehwal negara. Ia juga menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat.



People's Association



KEMBARA BUDAYA

Kembara Budaya merupakan sebuah sesi berjalan sambil belajar yang bertujuan untuk membantu peserta memahami artefak.

Peserta akan mengenakan pakaian tradisional. Peserta akan diletakkan secara berkumpulan untuk berlumba di sekitar kawasan Kampong Gelam untuk menjawab soalan-soalan di stesen-stesen pemeriksaan. Peserta digalakkan mengambil peserta lain yang tidak dikenali dan untuk mengambil satu peserta bukan Melayu. Ini adalah untuk mengalakkan perluasan rangkaian dan kumpulan-kumpulan hanya akan bertemu di hari sebenar. Kami mengharapkan 20 kumpulan atau lebih untuk mengambil bahagian.

Setiap kumpulan akan diberikan petunjuk dan teka-teki yang akan membawa mereka ke lokasi-lokasi tertentu. Di setiap stesen, mereka dikehendaki untuk memberi jawapan kepada pegawai stesen. Bagi setiap jawapan yang betul mereka akan berjaya ke stesen yang seterusnya. Terdapat sebanyak 5 stesen dan semua soalan berkaitan dengan sejarah.

Sebuah pertandingan yang memaparkan kuiz dan teka teki yang berkenaan dengan sejarah Melayu dan tradisi makanan, pemakaian dan barang-barang rumah.

Terdapat persembahan oleh Taman Warisan Melayu diakhir perlumbaan.

KIM SENG CC MAEC

Jawatankuasa Kegiatan Melayu Balai Rakyat Kim Seng, sejajar dengan misi Persatuan Rakyat, bertujuan untuk menggalakkan perpaduan masyarakat. Kami juga sering bekerjasama dengan badan-badan setempat untuk menganjurkan lebih banyak aktiviti untuk para penduduk Kim Seng.



CRAFT-EFACT

Hasilkan kerongsang atau tali pinggang haji anda sendiri, diinspirasikan daripada artefak-artefak yang dipaparkan di galeri tetap Taman Warisan Melayu!

SIRI PERINTIS MELAYU: PENCETAK DAN PENERBIT

Siri ini memaparkan sejarah-sejarah yang kurang diketahui mengenai para pencetak dan penerbit Melayu di Singapura. Mari meneroka kisah-kisah menarik tentang industri percetakan Melayu di Singapura dengan melawati pameran ini di Perpustakaan Daerah Jurong dan Perpustakaan Daerah Woodlands!

TAMAN WARISAN MELAYU

Taman Warisan Melayu (TWM) ditempatkan di bekas Istana Kampong Gelam, yang telah diwartakan sebagai sebuah Tugu Negara pada tahun 2015. Pusat ini memaparkan sejarah, kebudayaan dan sumbangan masyarakat Melayu dalam konteks sejarah dan masyarakat berbilang bangsa Singapura.

Galeri-galeri pameran tetap TWM menumpu kepada sejarah Kampong Gelam dan memaparkan pelbagai artefak yang menarik daripada Koleksi Negara dan masyarakat Melayu. Melalui pameran-pameran dan acara-acaranya, TWM bermatlamat untuk menjadi tempat kunjungan yang unggul dan berkepentingan sejarah dan kebudayaan buat pengunjung warga Singapura dan antarabangsa. Taman Warisan Melayu merupakan sebuah institusi warisan yang dikendalikan oleh Lembaga Warisan Negara.



MAMANDA

AUTHENTIC MALAY CUISINE

JEJAK WARISAN MAKANAN, ILMU DAN BAHASA DI MAMANDA

Acara ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kepada masyarakat tentang masakan tradisional Melayu serta bahan-bahan yang digunakan untuk memasak. Bahan-bahan dan peralatan yang digunakan untuk menyediakan masakan Melayu akan dipaparkan di sekitar restoran supaya peserta lebih memahami tentang sejarah masakan Melayu. Peserta akan diberi peluang untuk mencuba hidangan Nasi Ambeng. Nasi Ambeng secara tradisinya berkhidmat semasa perayaan dan dinikmati oleh empat hingga lima orang. Ini adalah untuk mewujudkan rasa hormat dan ikatan dalam masyarakat.

MAMANDA

MAMANDA mempersesembahkan sajian warisan, mementingkan kesegaran bahan, keaslian rempah ratus dan kesenian Timur agar ia tetap menjadi lambang sajian yang diperhalusi dengan kaedah memasak tradisional, diperisakan dengan herba berkhasiat dan dijalin dengan rempah ratus dan ramuan yang terbaik.




PERMAINAN PAPAN KELOLAAN NADIM GAMES

Peserta boleh menguji kemahiran dan kebolehan mereka melalui permainan-permainan kad/ papan di gerai kelolaan Nadim Games LLP. Permainan seperti Bina Kota Kata membuatkan pembelajaran dan pengayaan bahasa Melayu sesuatu yang menyeronokkan. Peserta yang memperolehi markah tertinggi juga berpeluang untuk memenangi hadiah.

NADIM GAMES LLP

Nadim Games LLP bertujuan untuk mempertingkatkan pendekatan dalam pembelajaran. Pembelajaran tidak seharusnya hanya berfokus pada pencapaian akhir tetapi juga tentang menikmati proses itu. Apabila seseorang menikmati pembelajaran, secara semulajadi akan menjadi kebiasaan seumur hidup.

Kami akan mencapai tujuan ini melalui penyediaan permainan-permainan dan bengkel-bengkel dengan harapan akan mendatangkan keseronokan bagi peserta-peserta muda dan juga yang lebih dewasa. Tujuan kami adalah untuk menggerakkan minda apabila peserta-peserta mencabar satu sama lain dalam permainan.



LEGENDA DAN HIKAYAT BERSAMA NEK SELAMPIT SERTA IRINGAN MUZIK GAMELAN

Ayuh turut serta dalam acara ini yang padat dengan permainan, muzik dan cerita! Dengarkan Nek Selampit bercerita tentang kisah-kisah legenda dan hikayat dalam persempahan yang menarik dan interaktif, diiringi muzik daripada BronzAge Gamelan. Peserta juga akan berpeluang untuk mengenali Jumaini Ariff; pencerita dan penulis yang menjayakan watak Nek Selampit, serta bertemu para pemuzik kumpulan gamelan di akhir persempahan.

PERBINCANGAN PANEL BERSAMA PENULIS HADIAH SASTERA SINGAPURA – KEMUNDURAN PENGGUNAAN BAHASA IBUNDA DALAM KALANGAN PELAJAR – SALAH SIAPA?

Zaman kanak-kanak adalah masa yang paling baik untuk merangsang seseorang untuk mencintai dan menggunakan bahasa ibunda. Kanak-kanak yang dibimbing dari kecil untuk mencintai dan menggunakan bahasa Melayu akan secara langsung atau tidak langsung wemariskannya kepada generasi yang akan datang. Walau bagaimanapun, pelajar hari ini sering menganggap bahasa ibunda sebagai mata pelajaran di mana mereka mempelajarinya semata-mata untuk lulus dalam peperiksaan.

Siapakah yang bertanggungjawab untuk merangsang penggunaan bahasa Melayu di kalangan pelajar – ibu bapa, guru ataupun pelajar itu sendiri? Apa yang boleh dilakukan untuk mengembalikan minat kepada bahasa ibunda kita?

MAJILIS PEMBANGUNAN BUKU NEGARA SINGAPURA

Majlis Pembangunan Buku Nasional Singapura (NBDCS) adalah sebuah organisasi nonprofit yang didirikan pada tahun 1969 sebagai badan amal untuk membangunkan dan mengembangkan sektor seni sastera di Singapura. NBDCS memberi ruang bagi pakar-pakar dalam sektor seni sastera untuk menjalinkan hubungan dan bekerjasama dengan matlamat mencapai pengiktirafan sejagat dan meningkatkan kesedaran awam mengenai para penulis and seniman Singapura.

BRONZAGE GAMELAN

BronzAge Gamelan merupakan gabungan para pemuzik dan peminat muzik gamelan daripada pelbagai latarbelakang yang berhimpun bersama demi rasa cinta dan keinginan untuk mengekalkan seni muzik gamelan di Singapura. Ditubuhkan sejak tahun 2009, kumpulan ini telah membuat persempahan di pelbagai acara-acara tempatan dan festival muzik luar negara serta mengadakan



bengkel-bengkel di sekolah dan untuk khalayak ramai. BronzAge Gamelan tertumpu pada gamelan kontemporari, penceritaan diiringi gamelan dan mereka juga telah mengubah beberapa muzik gamelan secara berkumpulan.



ANTIDOT! BENGKEL KEMAHIRAN BERUCAP

ANTIDOT! merupakan sebuah bengkel kemahiran membuat ucapan awam, khusus buat remaja. Berdasarkan buku “The Stage Fright Antidote!” bengkel ini memberikan satu wadah yang selesa dan santai kepada para peserta untuk meningkatkan daya keyakinan dan kemahiran memberi ucapan. Kaedah ‘experiential learning’, terutama elemen seni lakonan dan teater yang sesuai akan digunakan semasa bengkel.

ASAS TULISAN JAWI DALAM BEBERAPA MINIT!

Bengkel ini bertujuan untuk memperkenalkan penulisan Jawi kepada orang awam. Peserta akan mempelajari tentang pelbagai jenis tulisan dan berpeluang mencuba cara menulisnya.

MAJLIS BUKU BERSAMA NUR-EL-HUDAA

Ayah bersama pengarang Nur-El-Hudaa yang akan menceritakan tentang pengembaraan kecil Alisya dari PADA buku *Rambut Panjang Alisya*. Sesi Pembuatan Kraf juga diadakan.

SIRI CERAMAH ANJUNG WARISAN: KEWARTAWANAN & MASA DEPAN

Siri Ceramah Anjung Warisan membicarakan pelbagai topik berkaitan dengan budaya Melayu. Semua penceramah undangan merupakan pakar dalam bidang yang dibicarakan. Sesi kali ini menyentuh perihal kewartawanan dan masa depannya.

SIRI BENGKEL PUSTAKA REMAJA: BENGKEL KEWARTAWANAN – PENULISAN KOMENTAR

Menulis pendapat atau komentar pada asasnya nampak mudah, tetapi sebenarnya memerlukan kepakaran dan kepekaan. Bengkel ini membimbing peserta tentang bagaimana menulis komentar yang padat, peka dan berkesan. Ia turut memberi panduan tentang bagaimana menulis komentar menurut keperluan akhbar atau media semasa agar penulisan peserta dapat diterima pihak editor untuk diterbitkan.

PELANCARAN KELAB BAHASA MELAYU 101@JRL

Kelab Bahasa Melayu merupakan tempat di mana para pengguna bahasa Melayu bertemu demi menghargai dan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu. Pengguna baru bahasa Melayu berpeluang berinteraksi sesama mereka dan juga dengan mereka yang telah lama mempelajarinya serta orang Melayu sendiri. Kelab ini juga akan menganjurkan aktiviti-aktiviti untuk terus membantu serta mengembangkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan ahli kelab. Diharapkan ahli-ahli kelab akhirnya dapat menggunakan bahasa Melayu dengan yakin dan bangga.



BENGKEL BAHASA MELAYU 101

Satu pengenalan ringkas kepada bahasa Melayu perbualan untuk orang dewasa yang ingin bertutur dalam bahasa Melayu dalam jangka masa panjang. Para peserta juga akan diperkenalkan kepada sejarah, kedudukan dan keluasan kegunaan bahasa Melayu. Turut disentuh ialah kedudukan bahasa Indonesia berbanding bahasa Melayu dan dialog-dialog yang biasa dituturkan. Beberapa aspek budaya, adab dan nilai bangsa Melayu dan Indonesia juga akan diterangkan.

KELAB MEMBACA: ILHAM PUSTAKA

Kelab Membaca Ilham Pustaka bermatlamat unruk mempromosikan karya bahasa Melayu khususnya hasil penulis Singapura, cereka dan bukan cereka kepada masyarakat, mewujudkan platform tetap bagi perkongsian dan perbincangan aktif tentang karya-karya bahasa Melayu antara para penulis dan pembaca umum, menambah ruang dan peluang untuk penulis tempatan mendekati masyarakat bagi mengetengahkan karya mereka, membantu masyarakat lebih mengenali penulis – falsafah dan pemikiran mereka selain memperkuuh jalinan kerjasama antara Lembaga Warisan Negara (NLB) dan para penulis tempatan bagi menggalakkan amalan membaca dalam bahasa ibunda sekaligus membantu menggalakkan penggunaan bahan dan perkhidmatan bahasa Melayu yang disediakan oleh NLB.

KELAB MEMBACA

Kelab ini bertujuan memupuk minat membaca dalam bahasa Melayu khususnya dalam kalangan kanak-kanak di samping menanamkan tabiat membaca yang sihat. Ini akan diterapkan melalui aktiviti berasaskan buku dan kegiatan-kegiatan lain yang menyeronokkan.

SESI BERCERITA BAHASA MELAYU

Sewaktu sesi bercerita bahasa Melayu ini, kanak-kanak akan diperkenalkan kepada cerita-cerita rakyat dan cerita-cerita genre baharu. Nikmati sesi bercerita bulanan yang dikendalikan oleh para pustakawan kami!

GIG PUASI: SEMARAK BAHASAKU!

Gig Puisi merupakan platform tetap yang dianjurkan 3 bulan sekali bagi mengetengahkan para penyajak dan peminat puisi Melayu mempersembahkan pelbagai puisi karya asli dan yang sudah diterbitkan. Platform ini juga meraikan para penulis tempatan, mempromosikan bahan bacaan yang berkaitan genre puisi dan juga menyediakan ruang untuk pelajar serta orang awam bersama-sama membangunkan pengetahuan dan penghargaan terhadap kesusastraan Melayu dalam suasana santai.



BENGKEL MEMUPUK MINAT MEMBACA (BERSEMPENA DENGAN SIMPOSIUM BAHASA IBUNDA)

Bengkel berbentuk interaktif ini khas untuk ibu bapa yang mempunyai anak-anak berumur 6 tahun ke bawah. Bengkel ini bertujuan untuk memupuk minat membaca dalam kalangan kanak-kanak dengan pelibatan ibu bapa. Bengkel ini menekankan pentingnya membaca bersama anak-anak pada awal usia dan langkah-langkah yang boleh diambil untuk berbuat demikian agar anak-anak membentuk sikap positif terhadap tabiat membaca. Ibu bapa juga akan mengetahui kesan positif lagu kanak-kanak dan ‘bermain’ dalam pembangunan diri anak-anak mereka.

SG PENULIS SG: PERJALANAN PENULISAN WAN JUMAIAH MOHD JUBRI

Siri Penulis SG meraikan sastera tanah air dengan memaparkan para penulis tempatan yang telah banyak menyumbang kepada perkembangan sastera di Singapura. Setiap bulan, anda akan berpeluang bertemu dan mengenali penulis-penulis yang diketengahkan dengan lebih dekat lagi.

PAMERAN CERITERA DI ALAM MELAYU: MANUSKRIP DAN NASKHAH AWAL

Untuk berabad-abad lamanya, bahasa Melayu merupakan bahasa perantara utama bagi pengurusan perdagangan, perhubungan diplomasi, wacana keagamaan dan rujukan berkenaan hal ehwal maritim di Asia Tenggara.

Pameran ini menerokai kesusasteraan Melayu tradisional dalam bentuk seni tulis dakwat di atas kertas – dari manuskrip yang ditulis tangan hingga ke buku-buku litograf awal.

Naskhah-naskhah luar biasa ini memberikan sekilas gambaran tentang masyarakat yang telah menghasilkan dan membaca karya-karya ini. Ketahuilah kisah-kisah di sebalik pengarang-pengarang wanita yang kurang dikenali ramai serta perpustakaan-perpustakaan di dunia Melayu pada abad ke-19. Pelajari juga tentang kesan percetakan ke atas tradisi penyuratan manuskrip dan peranan Singapura sebagai pusat percetakan awal karya-karya Melayu/Islam di rantau ini.

Pameran ini memaparkan manuskrip-manuskrip berharga yang dipinjam dari United Kingdom dan negeri Belanda yang dipamerkan di Singapura buat julung-julung kalinya. Rebutlah peluang keemasan ini untuk melihat koleksi-koleksi tersebut.

Kemuncak pameran ini termasuklah salah sebuah manuskrip tertua (yang disalin pada tahun 1710), yang menceritakan tentang peperangan (1666–69) antara pihak Belanda dengan kerajaan Makassar; naskhah-naskhah terawal yang menceritakan kegagahan pahlawan legenda Melayu, Hang Tuah; salah sebuah manuskrip Melayu yang penuh dengan hiasan dan sepucuk surat dari Sultan Pontianak di Kalimantan kepada Stamford Raffles pada tahun 1811.

Mari terokai kisah-kisah ini dan banyak lagi ceritera yang amat mengagumkan.



LEMBAGA PERPUSTAKAAN NEGARA

Lembaga Perpustakaan Negara (NLB) menguruskan Perpustakaan Negara, 26 Perpustakaan Awam dan Arkib Nasional.

NLB menggalakkan pembacaan, pembelajaran dan literasi maklumat dengan menyediakan perpustakaan dan perkhidmatan mendapat maklumat yang mudah didatangi, boleh dipercayai dan bertaraf global melalui Perpustakaan Negara dan perpustakaan-perpustakaan awam. Dengan menjalinkan perhubungan yang strategik untuk memupuk perkongsian ilmu, perpustakaan-perpustakaan juga menggalakkan penghargaan dan kesedaran mengenai sejarah Singapura melalui pelbagai acara dan koleksi Singapura serta rantauan. Arkib Negara menguruskan pengumpulan, pemeliharaan dan pengurusan arkib peribadi dan awam termasuk fail kerajaan, memoir peribadi, peta, gambar, temu bual sejaraj secara lisan dan bahan-bahan pandang dengar.

Ditubuhkan pada 1 September 1995 sebagai lembaga berkanun, NLB merupakan sebuah agensi dibawah naungan Kementerian Perhubungan dan Penerangan (MCI).

Visi

Pembaca Seumur Hidup, Masyarakat Yang Menimba Ilmu, Negara Ilmu Berpengetahuan

Misi

Menghidupkan ilmu, mencetuskan imaginasi dan mencipta kemungkinan



People's Association

BULAN BAHASA 2017 @ NEE SOON

Sempena Bulan Bahasa 2017, Nee Soon GRC akan melancarkan Bulan Bahasa @ Nee Soon pada hari Sabtu, 16 September, dari 2.15ptg hingga 5.30ptg di Atrium Pusat Beli-Belah Northpoint.

Acara ini memberi peluang kepada masyarakat Melayu untuk menghargai keindahan bahasa Melayu dan keunikan budaya Melayu melalui pelbagai aktiviti.

NEE SOON GRC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) dengan kerjasama Jawatankuasa Pengurusan Balai Rakyat (CC) dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan orang Melayu dalam kursus-kursus CC, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan ehwal negara. Ia juga menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat.



PERADUAN ‘SAYA BOLEH MENGARANG’ 2017 – PERINGKAT NASIONAL – PUSAT BAHASA NUSA

Pihak Pusat Bahasa Nusa, yang merupakan anak syarikat Edufront Learning Centre, akan memperkenalkan dan menjemput murid-murid untuk menyertai program Peraduan Saya Boleh Mengarang 2017.

Peraduan ini meneraskan beberapa matlamat utama berikut:

- Mencabar minda pelajar dalam menghasilkan sebuah penulisan yang menarik, baik dari segi gaya bahasa mahupun jalan cerita berdasarkan daya kreativiti mereka
- Meningkatkan daya keyakinan pelajar dalam penulisan melalui saingan daripada pelajar-pelajar yang terlibat
- Mengenal pasti tahap kebolehan pelajar dalam penulisan bahasa Melayu

Kategori-kategori Pertandingan

Peraduan ini akan melibatkan para pelajar peringkat sekolah rendah dan akan dibahagikan kepada tiga kategori berikut:

No. Kategori Peringkat

- 1 A Darjah 1 & Darjah 2
 - 2 B Darjah 3 & Darjah 4
 - 3 C Darjah 5 & Darjah 6
 - 4 D Menengah 1 & 2
 - 5 E Menengah 3, 4 & 5
-

PUSAT BAHASA NUSA

Pusat Bahasa NUSA merupakan anak syarikat Edufront Learning Centre yang ditubuhkan pada tahun 2012. Kami menawarkan kelas bimbingan serta bengkel-bengkel pengayaan bahasa Melayu. Matlamat kami adalah untuk memupuk minat para pelajar dan membantu mereka mencapai kecemerlangan dalam penggunaan bahasa Melayu melalui program-program bimbingan dan penggayaan yang menyeronokkan dan berkesan.



JUARA SI CILIK


Pertandingan nyanyian ini akan menggalakkan kanak-kanak untuk menggunakan bahasa Melayu melalui persempahan lagu-lagu rakyat Melayu dengan cara yang menarik. Objektif pertandingan ini adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang lagu-lagu rakyat Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar, untuk menggalakkan kreativiti dalam kalangan peserta dan untuk mengeratkan pertalian keluarga dengan hadirnya keluarga-keluarga untuk menyaksikan acara ini.

AKUSTIKALOKA

Akustikaloka terdiri daripada dua perkataan: Akustik dan Loka, perkataan sanskrit bermaksud dunia. Akustikaloka akan memaparkan penyanyi dan penulis lirik lagu yang baharu bersama penulis-penulis lirik lagu yang mapan. Muzik merupakan sebuah wadah yang paling pantas dan mudah diakses untuk menyebarkan kebudayaan dan bahasa. Justeru itu, penggunaan muzik sebagai alat untuk mempromosikan bahasa Melayu merupakan sebuah langkah yang positif dalam melestarikan bahasa. Objektif acara ini adalah untuk mencipta kesedaran mengenai lagu-lagu kontemporari Melayu untuk menggalakkan kreativiti dan mempromosikan artis Melayu Singapura.

NUSANTARA WORLD MUSIC

Nusantara World Music (NWM) menganjurkan acara, persempahan dan pameran mengenai budaya dan seni Melayu. NWM menghasilkan acara-acara Bulan Bahasa seperti Konser Malam dan Juara Si Cilik semenjak 2013.



DERIA BUDAYA

Adakah anda pakar budaya Melayu? Adakah anda dapat mengenal pasti barang-barang yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari orang Melayu? Inilah peluangnya untuk anda menguji 'deria budaya' anda!

SEKOLAH MENENGAH ORCHID PARK

Sekolah Menengah Orchid Park (OPSS) telah ditubuhkan pada tahun 1999. Antara objektif jabatan kami adalah untuk menghasilkan pembelajaran yang menarik yang boleh memikat hati para pelajar untuk lebih meminati Bahasa Melayu. Selain itu, jabatan kami juga berwawasan untuk mengenalkan beberapa strategi yang boleh diguna pakai oleh para pelajar untuk mencapai kecemerlangan dalam Bahasa Melayu.

Buat julung-julung kalinya, Jabatan Bahasa Melayu menyertai acara Bulan Bahasa. Sebagai penyertaan unggul kami, OPSS ingin mengetengahkan sebuah permainan berunsur permainan dalam pendidikan. Di sini permainan tradisional, congkak, telah diintegrasikan dengan pengetahuan bahasa dan budaya Melayu supaya dapat menarik dan menyedarkan para pengunjung bahawa masyarakat Melayu kaya dengan adat dan budayanya.



BERIKU SUARA

Beriku Suara adalah adaptasi drama cerita pendek dari buku 'Begitulah Kata-Kata' yang digunakan untuk pembelajaran Sastera Melayu H2 (MLL) di Maktab Rendah. Persembahan tersebut bertujuan untuk menghidupkan isu-isu dunia sebenar yang diketengahkan dalam cerita pendek.

Adaptasi drama tersebut akan disusuli dengan perbincangan panel yang terdiri daripada mahasiswa-mahasiswa dari NUS, SMU, NTU dan SUSS.

PERBAYU NTU (NTU MALAY LANGUAGE AND CULTURAL SOCIETY)

Persatuan Bahasa dan Budaya Melayu Universiti Teknologi Nanyang (Perbayu NTU) telah ditubuhkan dengan objektif untuk membangunkan penggunaan bahasa Melayu dan untuk meningkatkan kesedaran tentang budaya Melayu.

Sejak ditubuhkan, jumlah pleajar yang mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti Perbayu NTU seimbang baik dari NTU maupun Institut Pendidikan Nasional (NIE). Setiap ahli mengongsi matlamat yang sama iaitu untuk memelihara bahasa dan budaya masyarakat Melayu.

Pada tahun 2011, Perbayu NTU telah mengubah wawasannya bagi memenuhi keperluan semasa masyarakat. Dengan visi baharu, iaitu mewujudkan kesedaran mengenai kepentingan menerapkan nilai-nilai melalui bahasa dan budaya Melayu bagi membentuk rakyat yang progresif dan boleh mengilhamkan perubahan dalam masyarakat, Perbayu NTU berharap belia dapat dibentuk supaya menjadi rakyat yang berfikiran terbuka namun tetap tegar kepada tradisi serta warisan mereka.

Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Perbayu NTU memenuhi keperluan masyarakat yang terdiri daripada mahasiswa tempatan, pelajar sekolah rendah, pelajar sekolah menengah, institusi pengajian tinggi, warga emas dan masyarakat Melayu-Islam setempat. Selain menyediakan ahli kami untuk pengalaman sekolah, Perbayu NTU juga berhasrat untuk menyediakan ahli kami dengan peluang untuk memimpin masyarakat Melayu-Islam Singapura.



SILATKU – SEJARAH DAN WARISAN BANGSAKU

Perguruan Silat Seni Gayong Singapura akan melakukan persembahan bersama Perguruan Seni Silat Pukolan dan Seni Silat Gayong Perwanit. Ketiga-tiga perguruan memiliki asas yang sama dan mempratikkan silat tradisional.

Pameran yang diadakan juga akan memaparkan gambar-gambar dan cerita-cerita guru-guru silat yang pernah menyebarkan ilmu di Singapura pada awal tahun 40-an dan 50-an. Terdapat juga paparan senjata-senjata yang pernah digunakan dan bagaimana senjata-senjata tersebut dicipta.

Akan diadakan juga perkongsian tentang tip-tip dan amalan seni silat untuk membantu khalayak ramai untuk memahami silat dari segi fizikal dan spiritual.

PERGURUAN SILAT SENI GAYONG SINGAPURA (PSSGS)

Perguruan Silat Seni Gayong Singapura adalah sebuah perguruan yang berdaftar sebagai sebuah persatuan dan merupakan kerabat kepada Persekutuan Silat Singapura. Aliran Silat Seni Gayong yang mula diperkenalkan oleh guru utamanya iaitu Datuk Meor Abdul Rahman bin Uda Hashim (seorang yang berasal dari Perak, tetapi bekerja di Singapura pada tahun 40an) pada 1942, ini telah terus berkembang sehingga ke hari ini dan percambahan ini dipimpin oleh ramai pengikut-pengikut mapan kepada beliau.

PSSGS, dibawah perhatian guru tua dari Taiping Perak, Tuan Hj Sidik bin Yeob (rakan sepermainan Datuk Meor Abdul Rahman) kini dikelolakan oleh Encik Rooslee bin Osman, seorang guru kanan aliran Gayong.

Telah menyokong acara sambutan Bulan Bahasa sejak tahun 2013 di bawah payung Majlis Guru-guru PERSISI. Bergiat aktif di beberapa Pusat Kejiranan, dan bergiat aktif dalam mempamerkan keaslian silat tradisi dengan harapan budaya bersilat ini tidak akan “Lapok dik Hujan dan Lekang dik Panas”.



LIRIK INDAH – MENGENANG ZAMAN GEMILANG ARTIS VETERAN

Penceramah akan mengongsikan bagaimana bahasa yang digunakan dalam penulisan lirik lagu sejak akhir tahun 40an dan juga bahasa baku yang digunakan dalam penyampaian lagu-lagu.

Beliau akan juga berkongsi pengalaman gemilang tokoh biduan dan biduanita seperti SALOMA, A. RAHMAN, AHMADA C.B, RUBIAH, AHMAD DAUD, NENG YATIMAH, cara mereka menggunakan bahasa pada waktu itu.

Akan ada persembahan lagu-lagu lama oleh penyayi-penayyi muda masa kini

BENGKEL IRAMA DONDANG

Bengkel Irama Dondang bertujuan untuk mendedahkan peserta-peserta kepada genre yang unik dan sekaligus membimbing peserta untuk menggunakan bahasa Melayu untuk menulis lirik yang indah dan bermakna yang diinspirasikan oleh jiwa masyarakat yang menggalakkan keharmonian, keamanan dan kestabilan pada negara.

Seorang pemuzik profesional akan membimbing peserta dalam mencipta melodi. Walaupun Dondang secara asli dicipta melalui penggunaan alat muzik barat (gitar akustik), Dondang menggabungkan elemen-elemen etnik dan pengaruh barat.

Pensyarah bagi program ini ialah Mohd Khair dan Bakti Khair.

PERKAMUS

Persatuan Penyanyi dan Karyawan Muzik Melayu Singapura atau lebih dikenali sebagai PERKAMUS, merupakan sebuah organisasi yang tidak mengambil keuntungan, memainkan peranan dalam menyokong artis, pemuzik dan profesional dalma industri Muzik Melayu Singapura. Kami telah membina hubungan baik dan sokongan dari organisasi yang bereputasi seperti COMPASS, TV dan Radio Mediacorp, Majlis Seni Kebangsaan (NAC), MCCY dan banyak badan kerajaan. Oleh itu, kami telah menganjurkan pelbagai acara-acara utama yang berkaitan dengan perkembangan muzik Melayu termasuk beberapa bengkel, seminar yang melibatkan ahli-ahli muzik, komposer, ahli lirik dan artis dari Singapura dan Malaysia.

Kami juga menyumbang kepada masyarakat dengan menganjurkan pertandingan bola sepak amal yang melibatkan kakitangan media dan artis Singapura.



Matlamat kami adalah untuk memelihara kebudayaan dan memberikan pengetahuan terutama kepada generasi muda supaya mereka dapat terus menghayati nilai-nilai budaya yang berharga terutama dalam industri Muzik Melayu.

Selain memupuk pemuzik muda, kami sentiasa prihatin terhadap kemajuan dan perubahan industri muzik Melayu di Singapura dan kajian kami baru-baru ini telah menunjukkan bahawa banyak pemuzik muda yang bersemangat dan berbakat berminat untuk mempelajari lebih lanjut.



PERTANDINGAN DRAMA 5-MINIT

Sejak 6 tahun lalu kami telah menganjurkan Pertandingan Soliloquy demi menggalakan murid-murid daripada sekolah rendah dan menengah untuk menggunakan bahasa Melayu dengan betul dan mempratikkan apa yang telah dipelajari di sekolah seperti Simpulan Bahasa, Peribahasa, Pantun dan lain-lain.

Kali ini, kami adakan perubahan dan anjurkan Pertandingan Drama 5-Minit pula. Dengan pendekatan yang berbeza, kami inginkan lebih ramai peserta untuk setiap persembahan, dengan memberi peluang untuk lebih ramai peserta.

Dengan pertandingan ini, para hadirin dapat saksikan sendiri apa yang para peserta pelajari di sekolah dan bukan sahaja sebagai mata pelajaran semata. Peserta juga dapat mempamerkan bakat lakonan mereka dan usaha dalam memelihara bahasa dan budaya Melayu dalam persembahan mereka.

PERKUMPULAN SENI

Pertemuan seniman daripada pelbagai bidang pada tanggal 8 Julai 1956 membawa kepada penubuhan Perkumpulan Seni (PS), dengan tujuan asasnya ialah untuk memperkembangkan dan memelihara keaslian dan nilai kesenian Melayu. Berlandaskan cogan kata ‘Seni untuk Rakyat’, salah satu tujuannya ialah untuk membimbing dan membina pengertian seni kepada masyarakat.

Selain daripada mementaskan persembahan dan juga menerbitkan buku sendiri, PS aktif dalam pelbagai kegiatan kesenian Melayu, lebih-lebih lagi dalam Drama, Tarian dan juga Kesusasteraan, di dalam dan luar negara, hingga hari ini.

Antara pengasas PS termasuklah Usman Awang (sasterawan dan penyair terkenal), A. Ghani Hamid (juga sasterawan dan penyair terkenal, selain merupakan seorang pelukis), Bani Buang ('Bapa Drama Melayu', memperkenalkan Drama Melayu di kaca televisyen) dan juga Zubir Said, penggubah Lagu Kebangsaan Negara.



BAHAS 4PM

Pertandingan Bahas 4PM adalah acara tahunan yang dianjurkan oleh Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu (4PM). Matlamatnya antara lain adalah untuk menggalakkan dan mempertingkatkan penggunaan bahasa Melayu di para pelajar. Ia juga merupakan wahana untuk para pelajar mengasah minda mereka dengan membincangkan isu-isu terkini.

PERSATUAN PERSURATAN PEMUDA PEMUDI (4PM)

Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu (4PM) bermula sebagai penggerak bagi perkembangan anak-anak muda dalam kalangan masyarakat Melayu/Islam. 4PM disokong oleh alumni-alumni yang telah dididik melalui aktiviti-aktiviti 4PM yang juga merupakan di antara pemimpin-pemimpin negara yang terkemuka seperti Encik Zainul Abidin Rasheed, Encik Yatiman Yusof, Encik Hawazi Daipi dan sebagainya.

Selain itu, motto 4PM "bersatu dan berkhidmat" adalah prinsip panduan bagi banyak ahli yang cemerlang dalam kerjaya masing-masing termasuk guru-pegawai, doktor, jurutera, pensyarah, usahawan, pekerja sosial dan pelajar yang berkelayakan tinggi.



PROJEK BINTANG 2017 OLEH SAYAP KESENIAN BELIA

Sempena Bulan Bahasa, Projek Bintang (TRSP) menyediakan platform untuk pelajar-pelajar memperlihatkan bakat mereka di atas pentas melalui persembahan-persembahan artistik dan tayangan perjalanan dan pembelajaran mereka sepanjang program Projek Bintang dari Mac 2017 sehingga ke Bulan Bahasa. Persembahan-persembahan yang akan diadakan termasuk dikir barat, tarian Melayu, teater dan karya sastera Melayu.

Acara ini juga akan menjadi acara pengijazahan bagi pelajar-pelajar Rising Star.

Ijazah akan diberikan kepada pelajar-pelajar yang telah menamatkan Sayap Kesenian Belia - Projek Bintang. Anugerah pencapaian istimewa akan dianugerahkan kepada pelajar-pelajar yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam kesenian dan pembelajaran.

SAYAP KESENIAN BELIA PERTAPIS

Projek Bintang (TRSP) membangunkan bakat belia dan menanam kemahiran dan nilai Pembelajaran Sosial dan Emosi (SEL) melalui proses yang dinamik. Pelajar dari Sayap Kesenian Belia Pertapis dibimbing dalam beberapa disiplin estetik melaui modul yang berdasarkan seni, yang bertujuan untuk membangunkan bakat dalam bidang perfileman, muzik, drama, tarian dan dikir barat, dan menanam penghargaan terhadap bahasa Melayu. Modul-modul juga ingin mempengaruhi peajar-pelajar dan menguatkan kepercayaan diri dan keyakinan untuk mencapai cita-cita dan impian dalam bidang seni dan pendidikan.

Projek Bintang oleh Sayap Kesenian Belia PERTAPIS dibiayai oleh Community Leaders Forum (CLF) dan Lee Foundation. Disokong oleh Majlis Bahasa, Taman Warisan Melayu dan Composers & Authors Society of Singapore (COMPASS).



RENTA

RENTA merupakan sebuah persembahan teater pelbagai disiplin yang menggabungkan dan menyemai persembahan-persembahan muzik, seni sastera dan teater. Persembahan yang diadakan buat pertama kali akan memaparkan kata-kata arkaik yang boleh ditemui di dalam kamus namun jarang digunakan masyarakat Melayu.

Risalah juga akan diberikan sewaktu persembahan untuk berkongsi dengan penonton perkataan-perkataan yang digunakan dalam persembahan, maknanya dan bagaimana ia boleh digunakan dalam perbualan kita hari ini.

RENTA COLLECTIVE

RENTA Collective merupakan sebuah seni kolektif yang sering bekerjasama dengan WildWhiz Learning untuk mengadakan persembahan yang bertemakan puisi dan persembahan-persembahan muzikal.



People's Association

BAHASA TARI

Dengan peribahasa yang dipilih, kumpulan tari akan menceritakan atau menari berdasarkan peribahasa.

SEMBAWANG CC MAEC

Salah satu kumpulan bawah naungan Sembawang MAEC adalah kumpulan dikir barat tanahair yang sudah bergiat lebih dari 20 tahun.



MENGENALI BANGSAWAN DALAM TARI

Mari bersama Sri Warisan dalam program interaktif, Pengenalan kepada Bangsawan melalui tarian di mana penonton dapat menyaksikan elemen-elemen di dalam bentuk tradisi Bangsawan: lagu terkenal bangsawan, set ringkas, pakaian dan aksesori yang terperinci, syair, pantun dalam bangsawan, dialog dalam bangsawan, lagu-lagu bangsawan dan watak-watak baik mengatasi watak jahat dalam bangsawan.

SRI WARSAN

Kumpulan Sri Warisan Som Said Performing Arts Ltd adalah suatu usaha professional yang diasaskan oleh Puan Som Said (PBM). Visi Puan Som Said adalah untuk menjadikan Singapura suatu pusat seni pertunjukan yang bertaraf antarabangsa yang mampu mengajak orang ramai sebanyak mungkin dalam pelatihan tari, musik dan drama.

Sri Warisan telah mengadakan pelbagai persembahan kebudayaan dengan menyertai lebih 60 Perayaan antarabangsa serata dunia termasuk Australia, Belgium, Brunei, Canada, China, Greece, Holland, India, Indonesia, Israel, Italy, Japan, Korea, London, Malaysia, Nepal, New York, Philippines, Spain, Switzerland, Thailand dan Turkey.

Lebih 30 pementasan dan produksi telah dihasilkan dengan sokongan Majlis Seni Kebangsaan Singapura (NAC) termasuk pementasan terbesar “BENDAHARA – A BETRAYAL” yang dipentaskan pada Mac 2012 di Kallang Teater.

Menyalurkan program seni untuk para pelajar di lebih 300 buah sekolah serata Singapura menerusi Program Kesenian dengan kerjasama Majlis Seni Kebangsaan Singapura -Arts Education Programme.



DIARIKU

Persembahan tarian ini bermula dengan watak "Pak Man", yang akan membawa penonton kembali ke zaman silam di Kampong Gelam dengan memperkenalkan jalan-jalan di Kampong Gelam seperti Jalan Sultan, North Bridge Road, Arab Street (kawasan komersial yang paling sibuk)

Pak Man memasuki kawasan kampungnya, apabila penduduk-penduduk kampung sedang sibuk membersihkan kawasan tersebut. Pak Man kemudian bertemu dengan sahabat-sahabatnya yang bekerja dalam pelbagai bidang seperti pembuatan kapal, anyaman bakul, wangian dan tekstil.

Dalam segmen yang terakhir, Pak Man berkongsi dengan penonton bagaimana cara pemakaian mencerminkan pelbagai masyarakat yang menetap di Kampong Gelam, di mana ahli-ahli masyarakat mengekalkan kebudayaan dan bentuk seni tradisional masing-masing. Pak Man mengakhiri jejak tarian dengan memberitahu penonton bagaimana Kampong Gelam hari ini masih mencerminkan zaman dahulu, dari kedai-kedai kopi dan kafe-kafe yang dijadikan tempat mengisi masa lapang dan berehat, tempat-tempat pertukaran idea, kedai-kedai tekstil di Arab street dan makanan-makanan popular seperti murtabak yang kekal sebagai kegemaran utama penduduk setempat sehingga ke hari ini.

SRIWANA

SRIWANA dikenali sejak penubuhannya pada tahun 1950. SRIWANA adalah salah satu kumpulan seni persembahan yang paling lama dalam arena seni tempatan. Setelah aktif dalam bidang seni persembahan selama 60 tahun, SRIWANA mempunyai pelbagai pengalaman dan pencapaian yang tidak ternilai. SRIWANA mula ditubuhkan pada tahun 1950 sebagai salah sebuah Persatuan Keroncong Parti (Orkestra Tradisional Melayu). Aktiviti utama bagi Sriwana pada masa itu ialah untuk menghiburkan para tetamu di majlis perkahwinan dan mengambil bahagian dalam persembahan kebudayaan yang dianjurkan oleh badan-badan pendidikan tempatan, terutama sekali Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu (4PM) yang telah bergabung bersama SRIWANA untuk mengumpulkan dana. SRIWANA kemudian mengembangkan lagi sayapnya dengan objektif untuk menggalakkan, menegakkan dan meningkatkan taraf seni dan budaya Melayu hingga ke hari ini.

Kini, SRIWANA diketuai oleh Pn. Fauziah Hanom Yusof dan dibantu oleh En. Fauzi Anwar dengan 30 sukarelawan dewasa dan 30 sukarelawan kanak-kanak yang berbakat dan bersemangat untuk seni persembahan. Sebuah pertubuhan yang bukan untuk meraihkan keuntungan, Sriwana telah



mengharungi cabaran hampir selama 60 tahun untuk mengekalkan nama dan pertubuhannya hingga ke hari ini.

Bengkel Tarian telah dikendalikan setiap tahun dan dibuka kepada orang ramai sebagai salah satu usaha SRIWANA bagi menjamin dan meningkatkan warisan budaya Melayu.

Adalah visi SRIWANA untuk mentadbirkan dan mentafsirkan salah satu tradisi seni halus tarian Melayu untuk diberikan pendedahan yang segar. Pada masa yang sama, SRIWANA tetap menanamkan dan mengekalkan nilai-nilai seni tradisional tanpa menjelaskan jati diri Melayu walaupun aspek tradisional, konvensional dan kontemporari itu telah digabungkan bersama.

SRIWANA telah menjadi salah sebuah kumpulan seni yang aktif dan terkenal semenjak penglibatannya dalam banyak penerbitan tempatan secara komersil dan juga dalam sektor swasta. SRIWANA juga telah mengembara ke beberapa negara seperti Cina, Mongolia, Indonesia, Thailand dan Malaysia untuk menyertai pelbagai festival tarian dan budaya.



SEMARAK BUDAYA 2017

Melalui acara ini, kami berusaha untuk mempamerkan budaya Melayu kepada penduduk - penduduk Melayu, bukan Melayu dan warga negara baru - dan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dalam kegiatan seharian dan menghargai warisan yang kaya ini.

Semasa acara tersebut, pengunjung boleh mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti sampingan, diikuti oleh persembahan.

Aktiviti sampingan – memaparkan barang tradisional dari dapur; pertukaran masakan; cara tuala dilipat untuk mangkuk; lukisan batik; pertandingan rekaan wayang kulit untuk kanak-kanak; bunga mangga; dan permainan tradisional; berusaha untuk menampilkan aspek yang menarik budaya melayu.

Diadakan satu jam pertunjukan Wayang Kulit (atau drama Melayu) dan acara permainan pentas.

TAMAN JURONG CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu Taman Jurong (MAEC), adalah salah satu pertubuhan akar umbi di bawah Persatuan Rakyat. Jawatankuasa MAEC mengalu-alukan penyertaan bangsa Melayu dalam aktiviti masyarakat dan hal ehwal negara; dan memupuk persefahaman antara etnik dan penghargaan silang budaya.



People's Association

BULAN BAHASA 2017 @ TAMPINES

Bulan Bahasa 2017 @ Tampines akan mempromosikan kegunaan bahasa Melayu melalui lagu-lagu tradisional.

TAMPINES GRC

Pihak MAEC mendekati masyarakat Melayu melalui pelbagai kegiatan-kegiatan sosial, pendidikan dan budaya. Antara aktiviti yang dianjurkan di Tampines termasuk Iftar Sinar Ramadan, Bazar Raya Tampines dan Bulan Bahasa.



People's Association



GEMA SI CILIK MEGA 2017

Sebuah pertandingan nyanyian dan tarian untuk kanak-kanak prasekolah di Tampines. Tahun ini adalah tahun yang ke empat kami menganjurkan peraduan Gema Si Cilik. Tahun ini adalah yang pertama sekolah-sekolah privet akan mengambil bahagian.

Kumpulan-kumpulan telah diberi pilihan lagu-lagu kanak-kanak klasik seperti ‘Bangau Oh Bangau’, ‘Chan Mali Chan’, ‘Jong Jong Inai’, ‘Lompat Si Katak Lompat’, dan ‘Tanya Sama Pokok’.

TAMPINES WEST CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu Kelab Masyarakat Tampines West menganjurkan kegiatan-kegiatan yang dekat di hati masyarakat Melayu.

Kami menumpukan perhatian khas kepada kanak-kanak prasekolah, pelajar, keluarga dan masyarakat umum, dan membentuk program kami untuk memenuhi citarasa mereka.



PEMENTASAN DRAMA HIKAYAT MALIM DEWA

Mari bersama-sama TEATRO di auditorium Taman Warisan Melayu untuk menyaksikan Hikayat Malim Dewa, sebuah persembahan berdasarkan cerita rakyat klasik iaitu Malim Dewa seorang jejaka yang bijak, yang pernah memerintah Bandar Muar yang juga merupakan anak kepada Tuan Puteri Lindungan Bulan.

TEATRO, POLITEKNIK TEMASEK

Sebuah kumpulan teater dari Politeknik Temasek yang giat menghasilkan persembahan teater oleh penulis teater Singapura.



TEATER PELAJAR 2017 PERADUAN DRAMA DAN KARNIVAL

Pertandingan ini dibuka kepada dua kategori iaitu untuk pelajar sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah. Pelajar akan bertanding untuk Pertandingan Drama iaitu mereka dikehendaki melakukan persembahan selama 10 minit dengan tema-teman seperti nilai-nilai moral dan kepercayaan terhadap diri sendiri.

Acara ini juga akan diiringi sebuah karnival yang akan memaparkan warisan dan kebudayaan Melayu.

TEENS NETWORK CLUB (T-NET CLUB)

Teens Network Club (Kelab T-Net) ditubuhkan pada 1 November 2002 sebagai rangkaian Persatuan Rakyat oleh Menteri Kanan Emeritus, Encik Goh Chok Tong. Kelab T-Net sentiasa menganjurkan program yang menyegarkan dan interaktif dengan objektif menginspirasi dan memperkayakan kehidupan remaja-remaja di Singapura. Program-program ini terdapat empat tema, iaitu, Perkhidmatan Masyarakat, Pendidikan, Seni Persembahan dan Sukan dan Pengembalaan.



PENTINGNYA BAHASA: DEMI KREATIVITI DAN MARUAH – SUDUT PANDANG SEORANG PENULIS

Bagi seorang penulis, bahasa itu adalah asas penting untuk pengkaryaannya. Imagination, nilai, dan pemikiran hanya bisa terungkap dalam bahasa. Bahasa yang memberdayakan imaginasi sosial, kultural, politikal dan intelektual makanya menjadi sangat penting untuk ikhtiar sastera yang bermakna. Ini pula harus mengarah kepada pemupukan dan pemastian terwujudnya ataupun terjaminnya maruah, yang penting bagi si penulis, bangsanya dan negaranya. Justeru itu, bahasa yang berdimensi kritis dan menjunjung maruah adalah cabaran yang harus kita berdepan sama.

Dalam kuliah khas pada Hari Terjemahan Antarabangsa ini, salah seorang penulis Melayu terkemuka di Singapura, penerima anugerah Cultural Medallion , Mohamed Latiff Mohamed, menawarkan pandangannya mengenai peranan bahasa Melayu dalam masyarakat dan kebudayaan kita.

Kuliah ini akan dibawakan dalam bahasa Melayu dan ditafsirkan dalam bahasa Inggeris.

THE SELECT CENTRE

The Select Centre ialah pertubuhan yang tidak mengambil keuntungan di Singapura. Kami dinamakan sempena salah satu kedai buku yang terkenal di Asia – Select Books – dan bermisi untuk mempromosikan perfahaman tentang Asia Tenggara dan meletakkan rantau ini di persada kesusteraan dan intelek dunia.

Ditempatkan di Asia Tenggara, misi Select adalah untuk membangunkan dan memudahkan perkongsian idea dan ilmu di antara bahasa, budaya dan disiplin yang berlainan melalui terjemahan, adaptasi dan amalan silang budaya yang lain. Kami mengadakan aktiviti sepanjang tahun, termasuk the TranslateSingapore translation festival; Bengkel Translators Lab; Literary Gateway, sebuah platform di antara Asia Tenggara dan Singapura; serta program bimbingan, residensi dan bengkel sekolah.

Kami percaya bahawa sifat berbilang budaya dan warisan pelbagai bahasa merupakan kekuatan unik di Singapura yang belum dimanfaatkan. Kami percaya bahawa Singapura boleh memanfaatkan kekuatan-kekuatan ini untuk membangunkan statusnya sebagai hub idea dan menghubungkan timur dan barat. Kami bertujuan untuk menjadi sebuah pertubuhan yang inovatif dan mengetuai pembangunan manusia dengan menyatukan pelbagai bahasa, budaya dan disiplin.



GEMILANG NUSANTARA: INILAH SUARA KITA

Gemilang Nusantara merupakan sebuah festival seni dan budaya yang membawa kembali kepada akar warisan dan generasi Singapura melalui pelbagai aspek kebiasaan dan budaya. Singapura mempunyai identiti yang memaparkan jalinan dan semangat berkampung. Gotong royong merupakan salah satu contoh yang memaparkan nilai-nilai seperti integriti, kerja berpasukan, saling menghormati dan rendah diri. Ia mengembalikan warisan daripada seni Melayu asli seperti Wayang Wong, Wayang Kulit, Gendang, Rebab, Silat dan lain lagi. Kami akan memaparkan tiga ahli sejarah dan sasterawan - Hamzah Al Fansuri, Raja Ali Haji dan Munsyi Abdullah.

VARIASI PERFORMANCE ARTS

Variasi Performing Arts ditubuhkan oleh sekumpulan aktivis seni pada tahun 2001. Dimulakan sebagai Kelab Tarian dan Drama pada tahun 2000, Variasi telah berkembang menjadi syarikat seni persembahan yang dibentuk khas untuk remaja-remaja di Singapura, dengan pelbagai jabatan artistik. Variasi yang membawa maksud kepelbagaian atau *variety*, menggabungkan aspek tradisional dan kontemporari seni persembahan Melayu, termasuk teater, tarian dan muzik. Kami bertujuan untuk menyediakan latihan dan ilmu artistik dalam segala industri hiburan, pengurusan teater dan program pendidikan seni. Keutamaan kami adalah untuk menyediakan platform untuk bakat-bakat muda untuk memupuk bakat mereka, serta meningkatkan potensi kreatif mereka dengan memberikan peluang untuk mereka meneruskan minat mereka menurut keupayaan unik mereka.

Melalui strategi-strategi kami, Meneroka, Menyelidik, Mendedahkan dan Melibatkan, kami harap untuk membawa kesenian kepada masyarakat melalui inisiatif baharu dan idea-idea kreatif dalam program seni kami. Variasi Performing Arts adalah sebuah syarikat yang tidak berdasarkan keuntungan dan diketuai Pengasas dan Penerbit Artistik, Encik Raja Hamzah Zulkifli, bersama 9 ahli jawatankuasa, 40 artis dan sukarelawan yang komited untuk membangunkan sikap profesional dalam seni persembahan. Kami memenangi tempat kedua untuk *National Ethnic Costume Design Competition 2007* yang dianjurkan Persatuan Rakyat (PA) dan diberiakn dua anugerah – *Best Interest Group (Arts)* pada tahun 2003 dan Anugerah Hari Kebangsaan 2011 (Anugerah Perak). VPA ialah syarikat seni yang pertama yang membuat persembahan kontingen secara besar-besaran bertajuk '*A different balls game-Musical*' untuk Chingay 2007 di Orchard Road.

Variasi Performing Arts telah menerbitkan lebih daripada 30 persembahan, perayaan dan penerbitan semenjak 2001.



People's Association

BULAN BAHASA 2017 @ WOODLANDS CULTURAL CARNIVAL

Karnival Budaya Woodlands ingin memupuk kesedaran dan penghargaan terhadap budaya Melayu melalui karnival yang mengandungi reruai-reruai interaktif. Di antara reruai-reruai ini adalah gasing, angklung, wau, jong dan silat pengantin.

Festival tersebut juga akan memaparkan persembahan dari artis-artis dan pelajar-pelajar sekolah untuk menghadirkan mood perayaan kepada karnival.

Pertandingan kecil juga akan diadakan di reruai-reruai karnival. Juga terdapat pelajar-pelajar di bawah skim VIA yang akan turut membantu mengendalikan karnival tersebut. Sebuah reruai istimewa juga akan diadakan untuk penduduk kawasan tersebut.

BERJALAN SAMBIL BELAJAR KE BUANGKOK

Berjalan Sambil Belajar ke Buangkok akan memperkenalkan peserta-peserta kepada latarbelakang kebudayaan dan sejarah yang kaya disebalik Kampung Lorong Buangkok. Melalui program ini, peserta akan meraih penghargaan dan kesedaran yang lebih mendalam tentang herba-herba Melayu dan mampu mengenal pasti perbezaan di antara ulam dan pucuk serta kelebihan dan kegunaannya.

Resipi-resipi bagi kuih abuk-abuk dan ondeh-ondeh juga akan dikongsikan dan ditunjukkan sewaktu acara tersebut.

Program-program ini juga memaparkan pengalaman makan berdulang apabila peserta-peserta boleh mempelajari asas etika makan tradisional.

Peserta juga dapat mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti berkumpulan seperti permainan tradisional goli, tapak kuda dan lereng.

WOODLANDS CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerja bersama Jawatankuasa Pengurusan Balai Rakyat (CC) dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan orang Melayu dalam kursus-kursus CC, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan ehwal negara. Ia juga menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat.



PERADUAN NYIDRA 2017

Peraduan NYIDRA dibuka kepada pelajar-pelajar sekolah rendah. Ada 2 kategori dalam peraduan ini. Peserta darjah 1 & 2 (Kategori A) dan peserta darjah 3 hingga 5 (Kategori B). Pelajar harus menyanyi dan pada masa yang sama berlakon berdasarkan interpretasi mereka kepada lirik lagu yang telah dipilih. Peraduan NYIDRA bertujuan untuk mempromosikan lagu-lagu Melayu dan bahasa Melayu. Pada masa yang sama, Peraduan NYIDRA juga akan dapat memupuk keyakinan diri dan kreativiti dalam menyampaikan mesej melalui kaedah lakonan berlatar belakangkan lagu.

MENEROKA RAHSIA HIJAU

Pameran interaktif ini akan membawa peserta meneroka rahsia flora/kehijauan yang banyak memberikan khasiat dan kebaikan kepada kita. Peserta dibawa dekat kepada tumbuh-tumbuhan yang terdapat di sekeliling kita. Selain daripada bahan-bahan pameran, pengunjung juga boleh mencuba dan merasa ulaman yang disediakan. Merka juga dapat berinteraksi dan mencuba membuat bunga rampai, menganyam ketupat serta mengubah sireh dara.

Pengunjung juga boleh cuba melengkapkan silang kata yang mudah untuk mendapat hadiah yang berupa bunga rampai dan penanda buku. Selain itu mereka boleh belajar membuat pasu tanaman daripada botol yang dikitar semula melalui sesi demonstrasi. Semoga para pengunjung gerai seronok berinteraksi sambil mendekati bahasa dan budaya Melayu.


SEKOLAH MENENGAH YUSOF ISHAK

Sekolah Menengah Yusof Ishak ditubuhkan pada tahun 1965 sebagai Sekolah Menengah Gabungan Jubilee. Pada 29 Julai 1966, Perdana Menteri pada waktu itu, Encik Lee Kuan Yew, merasmikan pembukaan Sekolah Menengah Yusof Ishak di Jubilee Road. Kami kekal menjadi satu-satunya sekolah yang dinamakan bersempena Presiden Singapura, iaitu Presiden Pertama Encik Yusof Bin Ishak.

Visi kami adalah untuk memupuk “Cendekiawan, Ahli Sukan dan Negarawan”, dalam kalangan pelajar yang dapat mencontohi perwatakan Encik Yusof Ishak. Kami menawarkan bidang tumpuan, ‘Seni Persembahan YI – mengasah pelbagai jenis bakat’ yang bertujuan mengetengahkan bakat pelajar dalam bidang seni melalui Program Komprehensif selama dua tahun dalam seni persembahan. Melalui seni, pelajar dapat dipupuk dengan nilai-nilai sekolah iaitu – Hormat, Tanggungjawab, Semangat Tidak Mudah Mengaku Kalah, Integriti, Keihsanan dan Keyakinan Diri.



Unit Bahasa Melayu dalam Jabatan Bahasa Ibunda sekolah kami secara aktif melibatkan para pelajar dalam program dan aktiviti-aktiviti seperti kuiz, drama dan mengambil bahagian dalam peraduan-peraduan agar dapat memupuk minat serta mencintai Bahasa dan budaya Melayu.



Partner Listing:

1. Ace The Place CC MAEC
2. Sekolah Rendah Admiralty
3. Angkatan Sasterawan 50 (ASAS'50)
4. BronzeAge Gamelan
5. By Definition Pte Ltd
6. Bukit Batok East CC MAEC
7. Sekolah Tinggi Chung Cheng
8. Era Dance Theatre
9. Gambas CC MAEC
10. Geylang Serai CC MAEC
11. HazWorkz Design
12. Keat Hong CC MAEC
13. Kim Seng CC MAEC
14. Taman Warisan Melayu
15. MAMANDA
16. Nadim Games LLP
17. Majlis Pembangunan Buku Nasional Singapura
18. National Library Board
19. Nee Soon GRC
20. Pusat Bahasa NUSA
21. Nusantara World Music
22. Sekolah Menengah Orchid Park
23. Perbayu NTU
24. PERKAMUS
25. Perkumpulan Seni
26. Perguruan Silat Seni Gayong Singapura
27. Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi (4PM)
28. Sayap Kesenian Belia PERTAPIS
29. RENTA
30. Sembawang CC MAEC
31. Sri Warisan
32. SRIWANA
33. Taman Jurong CC MAEC
34. Tampines GRC
35. Tampines West CC MAEC
36. Teatro Politeknik Temasek
37. Teens Network Club (T-Net Club)
38. The Select Centre
39. Variasi Performing Arts
40. Woodlands CC MAEC
41. Sekolah Menengah Yusof Ishak